

# Selangor Kini



# Kini



PERCUMA 14 - 21 Mac 2014, 12 - 19 Jamadilawal 1435

ISU KHAS:  
Pilihan Raya Kecil  
N25 DUN Kajang

muka 5 - 12

Antara kelapa  
salai, Dawn Raid  
dan MoU air

muka 4

Kerajaan Selangor mendoakan  
keselamatan penumpang serta anak  
kapal MH370 dan permudahkan  
usaha mencari dan menyelamat  
semua mangsa yang terlibat

DOA UNTUK

MH370



**PRIHATIN...** Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib (tengah), bersama sebahagian daripada pelajar Maahad Tahfiz Hidatus, Maahad Tahfiz Addiniah dan pelajar Sekolah Agama Tahfiz Altijarah, selepas selesai mengimamkan solat hajat untuk keselamatan penumpang dan anak kapal MH370 di Surau Hidayatul Mustaqim, Selayang Baru

## Pusat kuat kuasa WSIA, Selangor jimat RM2 bilion

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Pusat bersetuju untuk menguatkuaskan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) selepas pihak konsepsi menolak tawaran terakhir RM9.65 bilion dari Kerajaan Negeri.

Menurut kenyataan dari Pejabat Menteri Besar Selangor, penguatkuasaan itu menyebabkan pihak konsepsi terpaksa rendah dengan RM7.65 bilion sahaja, RM2 bilion lebih murah dari yang ditawarkan.

“Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Tenaga, Tenologi Hijau dan Air kerana bersetuju memudah cara penstruktur semula industri air neg-

eri selepas respons negatif syarikat konsesi terhadap tawaran pengambilalihan oleh Kerajaan Negeri,” kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Sebelum itu, Abdul Khalid menghadiri perbincangan lanjut bersama Menteri KeTTHA, Datuk Seri Dr Maximus Johnnity Ongkili selepas tawaran itu ditolak oleh tiga konsepsi, iaitu Puncak Niaga, Syabas dan Splash.

Maximus bersetuju menguatkuaskan Akta 114 WSIA sebagai menghormati Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai sebelum ini, antara lain membenarkan Pusat meneruskan pembinaan Loji Rawatan Langat 2 (LRAL2) sekiranya operasi industri air

yang distrukturkan diserah kepada Selangor.

“Melalui WSIA, Kerajaan Pusat akan ambil alih asset (syarikat konsesi) dan kemudian keluarkan lesen kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) untuk menguruskan operasi (industri air Selangor),” katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Khalid, berkata melalui Akta 114 yang digunakan, syarikat-syarikat konsesi kini tidak berpeluang lagi untuk mendapatkan penilaian timbang tara antarabangsa.

“Dengan ini juga bermakna, hanya Abbas yang akan menerima tawaran yang dibuat sebelum ini sementara syarikat konsesi lain akan menerima tawaran yang lebih rendah.

**MB: Hukuman terhadap Anwar leburkan Rekonsiliasi Nasional**

**SHAH ALAM** - Usaha permuafakatan antara gagasan politik yang dicanang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, lebur berikut hukuman penjara lima tahun terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menyifatkan rakyat sebagai mangsa kepada sikap politik keanak-anakan, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim membi-

das ketidakadilan terhadap Anwar sebagai hipokrasi BN.

“Sebaik hukuman ini dibacakan, semangat Rekonsiliasi Nasional yang dicanang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, langsung lebur dan tenggelam bersama arus hipokrasi.

**lihat muka 2 >>**

&lt;&lt; dari muka depan

## Utamakan kepentingan rakyat

“Ternyata semangat palsu ini gagal diterjemahkan dengan jujur sungguhpun Ketua Pembangkang menyahutnya dengan agenda Konsensus Nasional,” katanya pada keadaan, malam ini.

Beliau menyifatkan niat jahat pemerintah itu hanya memburukkan lagi situasi politik negara dan detik hitam itu menunjukkan politik sempit yang menjurus kepada pembunuhan peribadi.

“Detik hitam ini tanpa kita disedari mencambah rasa prejidis pendokong dan penyokong Keadilan, khasnya dan Pakatan Rakyat amnya, terhadap kerajaan Barisan Nasional

“Walau kita akui kepentingan rakyat harus di kedepankan, namun penindasan dan pendakwaan bersifat ‘mala fide’ terus menyukarkan keadaan dan mengusutkan lagi ruang kematangan berpolitik,” katanya.

Abdul Khalid menggesa Anwar dibebaskan daripada pendakwaan peribadi dan menyeru BN supaya bersaing melalui politik berteras idea dan agenda pembangunan negara.

“Malaysia sewajarnya sudah melepas tahap kematangan berpolitik dan mampu fokus kepada agenda pembangunan negara, bukan lagi serangan politik kotor yang mensasar batang tubuh pemimpin,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Khalid menggesa semua pihak untuk tidak didorong emosi dan bersama menangani konspirasi terhadap Anwar itu secara bijaksana.

“Rakyat, khususnya penyokong Pakatan Rakyat diminta bertenang dan tidak terburu-buru dalam mengambil tindakan.

“Konspirasi terancang ini harus diteliti dan ditangani secara bijak dan praktikal,” katanya.

# Jangan hanya kira asset sahaja - Menteri Besar

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menyanggah dakwaan syarikat konsesi bahawa Kerajaan Negeri menawarkan harga yang rendah berbanding nilai sebenar asset mereka.

Sebaliknya beliau berkata, memang syarikat konsesi mempunyai nilai aset dan harta yang tinggi tetapi nilai hutang me-

**Mereka sepatutnya mengambil kira nilai tanggungan mereka dan bukan sekadar menyebut NVA sahaja Kamu tidak boleh meminta semua jumlah aset kerana kamu masih ada hutang yang perlu dijelaskan kepada pihak bank**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar



reka juga adalah lebih kurang sama.

Katanya, jika ditolak nilai aset syarikat konsesi dengan jumlah tanggungan maka syarikat konsesi hanya mencatatkan nilai aset bersih (NVA) kira-kira

RM 200,000 sahaja.

“Mereka sepatutnya mengambil kira nilai tanggungan mereka dan bukan sekadar menyebut NVA sahaja.

“Kamu tidak boleh meminta semua jumlah aset kerana kamu

masih ada hutang yang perlu dijelaskan kepada pihak bank,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Bangunan SUK.

## Orang awam boleh lihat MoU air

**SHAH ALAM** - Orang awam kini berpeluang melihat sendiri dokumen perjanjian persefahaman (MoU) penstrukturkan industri semula industri air yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sebelum ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata dokumen yang ditandatangani pada 26 Februari itu kini berada di bawah tanggungjawab Dewan Negeri Selangor (DNS).

Katanya, orang awam yang berminat meneliti dokumen itu boleh membuat permohonan selaras dengan Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI).

“Bagaimanapun, dokumen ini sama sekali tidak boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk.



“Mereka boleh menulis semula petikan MoU, tetapi bukan secara keseluruhan.

“Ini bagi memelihara tatacara dan hak cipta dokumen berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media yang diadakan sejurus selesai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), baru-baru ini.

Menjawab soalan lain, beliau sekali lagi menegaskan pengambilalihan industri air tidak akan melibatkan pemecatan mana-mana kakitangan syarikat konsesi.

“Setiap kakitangan akan kekal bersama pengurusan baru melainkan pemegang saham.

“Ini kerana pemegang saham tidak menerima gaji, sebaliknya

**Orang awam yang berminat meneliti dokumen itu boleh membuat permohonan selaras dengan Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI). Bagaimanapun, dokumen ini sama sekali tidak boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk**

mereka menerima bayaran dalam bentuk lain, bukan gaji seperti kakitangan biasa,” katanya lagi.

# PR doakan permudah usaha mencari dan menyelamat MH307

**SHAH ALAM** - Pakatan Rakyat (PR) merakamkan doa buat seluruh penumpang dan anak kapal penerbangan Malaysia Airlines MH370 yang dilapor hilang selepas terputus hubungan dengan pusat kawalan.

Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata harapan dan keprihatinan kepimpinan dan akar umbi gagasan itu adalah bersama keluarga mangsa dan para petugas yang bertungkus-lumus.

"Kita merakamkan rasa cemas dan prihatin kita. Maklumat yang diterima belum muktamad.

"Tetapi kita mengharapkan selamat semua dan kesabaran buat keluarga," kata Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beberapa hari selepas kejadian, media perdana memetik Penglima Tentera Udara,



**Kita merakamkan rasa cemas dan prihatin kita. Maklumat yang diterima belum muktamad. Tetapi kita mengharapkan selamat semua dan kesabaran buat keluarga**

**ANWAR IBRAHIM**  
Ketua Umum PKR



Datuk Rodzali Daud sebagai berkata, pesawat itu berpatah balik dan dikesan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) merentasi ruang udara utara Semenanjung menuju ke Selat Melaka.

Seluruh usaha kini dialihkan untuk mencari pesawat itu di perairan Selat Melaka, serentak dengan pencarian di Laut China Selatan.

Dalam perkembangan pada 12 Mac lepas, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, menjelaskan bahawa pesawat yang berpatah balik itu tidak dapat disahkan sebagai MH370.

"Kita kaji rakaman semula daripada radar dan ia buktikan ada kemungkinan pesawat ini berpatah balik dan tak pasti sama ada ia adalah pesawat yang sama, tapi dalam radar ada nampak patah balik," katanya pada sidang akhbar, memetik laporan Berita Harian.

## KeTTHA: Semakan tarif air kini di tangan kerajaan Selangor

**PUTRAJAYA** - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dalam satu kenyataan kepada Bernama hari ini mengesahkan bahawa Kerajaan Selangor melalui anak syarikatnya, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang akan menetapkan keperluan bagi sebarang semakan tarif air.

KeTTHA berkata demikian mengulas daka-waan tarif air bagi Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya perlu dinaikkan berikutan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2).

"Kerajaan Selangor melalui anak syarikat miliknya yang akan menentukan keperluan semakan tarif air berserta kuantum kenaikan tarif yang akan dikenakan kepada para pengguna dengan mengambil kira pelan perniagaan bagi mengoperasikan pembekalan air bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur dan Putrajaya," jelas KeTTHA.

Melalui kenyataan itu, KeTTHA ingin menegaskan perkara utama yang digariskan dalam MoU itu iaitu pengambilalihan syarikat konsesi air Selangor oleh kerajaan Selangor melalui KDEB.

Dengan termeterainya MoU itu, kerajaan Selangor akan mengambil alih syarikat-syarikat konsesi itu dan menggabungkan operasinya di bawah satu anak syarikat milik kerajaan negeri. Syarikat itu akan menjadi operator air bagi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Sebagai operator air, adalah menjadi tanggungjawab syarikat itu menyediakan pelan perniagaan yang perlu dikemukakan untuk kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) termasuk mencadangkan sebarang semakan tarif," menurut kenyataan itu lagi.

## Pimpinan negara keributan, Selangor mara ke depan

**K**ehilangan Boeing MH370 menimbulkan keributan dalam negara. Bukan kerana kejadian itu menggemparkan, tetapi pengrusannya sangat kacau-bilau.

Spekulasi dibiar merebak. Ke nyataan pihak berkuasa saling bercanggah. Rakyat yang bersympati atas kejadian itu jadi keliru dan bingung.

Lantas, beberapa negara luar mengecam pentadbiran Datuk Seri Najib Razak, malah Vietnam menarik diri daripada meneruskan usaha menyelamat.

Dan ketika kritikan bercambah, amalan khurafat pula bermaharajela secara terbuka, seolah-olah agama rasmi - Islam hanya topengan semata-mata.

Ironinya, kejelekan itu berlaku ketika Selangor giat mengadakan solat hajat dan membantu seadanya.

Ini menggambarkan seni pengurusan kedua-dua pihak.

Di pihak Kerajaan Persekutuan, banyak isu bercempena tanpa penyelesaian, antaranya pertelagahan agama, provokasi kaum, sekaligus mendedahkan pekung betapa mereka hilang pedoman.

Sedangkan pentadbiran Selangor pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, mara setapak demi setapak menyelesaikan masalah yang jauh lebih rumit dengan bergaya.

Sekalipun dibidik kritikan, isu

**Selangorkini**  
**EDITORIAL**

air misalnya diselesaikan dengan baik, kendatipun terpaksa melalui liku-liku termasuk pada saat-saat akhir.

Biarpun ada memandang sinis, tetapi penstrukturkan industri air pasti berlaku tanpa perlu menaikkan tarif air. Ia tetap kemenangan untuk rakyat.

Sebab itulah, Abdul Khalid yakin Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail mampu mencapai kemenangan mudah lantaran pengundi Kajang pasti nampak akan keceluaran pentadbiran BN.

Apatah lagi, kemunculan Wan Azizah menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak boleh bertanding lantaran dizalimi secara undang-undang.

Inilah masalah negara ini. Semuanya, dari sekecil-kecil agensi kerajaan hingga sepenting-penting institusi termasuk mahkamah dijadikan mainan politik.

Di Selangor, lain halnya. Kita dapat saksikan ketelusan mengatasi kepentingan politik hingga-kian Abdul Khalid sendiri dikritik orang parti sendiri.

Kerana beliau sedar, dalam mengangkat nilai ketelusan, integriti adalah elemen utama dalam menjayakan reformasi tulen.

**Ketua Pengarang**

**Selangor Kini**

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizah Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixedzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkatty@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazlibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu\_tvs@yahoo.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

OLEH NAZLI IBRAHIM

**L**ewat tengah hari, tanggal 7 September 1981 di Hotel Cambridge, Kota London.

Apabila mendengar berita mengejutkan di corong radio, Mark Gent tergamam. Sukar mempercayainya. Kepala mula berdenyut, pandangannya pula berpinar-pinar.

Sekelip mata syarikat yang diterajuinya itu terlepas dari gengaman. Lelaki Inggeris itu sedar, semuanya sudah terlambat.

Lebih 160 tahun menguasai Malaysianized Guthrie, kini tiada apa yang boleh dilakukan untuk menghalang syarikat peladangan terbesar British itu kembali ke pangkuan rakyat Malaysia.

Tokoh korporat British terkemuka yang menguasai Guthrie itu ditewaskan dalam masa empat jam sahaja melalui satu serangan terancang sekumpulan anak tempatan Malaysia.

Ia diketuai seorang anak muda yang dahulunya hanya mengusahakan perusahaan kelapa salai milik neneknya pada usia remaja.

Serangan itu kemudiannya dititipkan dalam sejarah korporat antarabangsa sebagai 'Dawn Raid' atau Serangan Waktu Subuh.

Sejak itu, anak muda berkeenan - Abdul Khalid Ibrahim yang berusia 35 tahun ketika operasi Dawn Raid ke atas Bursa Saham London dilancarkan, mula menjadi sebutan dunia.

Ketika Inggeris menganggap kejayaan operasi berkenaan sebagai perbuatan 'nasionalis pintu belakang' (lantaran dimulakan anak tempatan bekas tanah jajahannya), rakyat Malaysia mengangkat peristiwa itu sebagai kejayaan mengembalikan hak yang hilang.

Ia juga dianggap sebagai satu titik kejayaan bersejarah buat negara.

Hari ini, selepas 33 tahun operasi 'Dawn Raid' makin dilupai ramai, anak muda sama yang kini menduduki jawatan Menteri Besar Selangor dan bergelar tan sri menjalankan satu lagi operasi berbeza tetapi masih dengan matlamat serupa - operasi 'Selangor water rescue'.

## Malaysians win control of Guthrie in market raid

**C**HRISTOPHER SIMS  
The last bid for Guthrie's 17% of Guthrie's equity from Far Eastern holders. As soon as this was confirmed, Rowe and Pitman went back into the market, waving the 65 cent share to all comers. Sufficient sellers came forward to give the Malaysians 50%. The buying spree cost RM1.2m. As the morning events

Rochdale, the merchant banker, staged a remarkable coup for clients, a Permo National, a Malaysian company, by

**G**uthrie

We are seriously towards that. Khalid said plans to expand our manufacturing to boost the unit were at an advanced stage. We have one or two candidates already identified.

"We have spent more time on that. We have two opportunities we are looking at," he said, hinting that usual prices were lower than where the price was lower at price-current stage.

At the brief meeting, he said the interest in the unit was strong, particularly in a construction manufacturing unit annual production between RM100 million and RM200 million.

"It has to be guaranteed to have a return on investment. He said the intention was to become a strategic partner in our business in the next three years."

He said the PNB had been approached for cooperation in the future.

**K**UALA LUMPUR, Tues. — A year ago, plantation giant Guthrie which holds nearly 200,000 acres of the best Malaysian soil, was owned and controlled entirely by British investors. In December, Permodena Nasional Berhad (PNB), the parent of the unit trust de-

fer to buy up the remaining ordinary shares in Guthrie Corporation Limited.

The previous City Code on Takeovers and Mergers of Britain.

substantial investment in Guthrie Corporation Limited.

Guthrie in December 1990. The PNB, until yesterday, held 3,190,500 shares — 34.5%.



## Takeover of giant UK company

# Bringing Guthrie back home

# Antara kelapa salai, Dawn Raid dan MoU air

**Hari ini, selepas 33 tahun operasi 'Dawn Raid' makin dilupai ramai, anak muda sama yang kini menduduki jawatan Menteri Besar Selangor dan bergelar tan sri menjalankan satu lagi operasi berbeza tetapi masih dengan matlamat serupa - operasi 'Selangor water rescue'**

Kalau Dawn Raid bagi mengembalikan hak rakyat ke atas peladangan terbesar, operasi kali ini jauh lebih penting - demi mengembalikan hak rakyat Selangor ke atas sumber terpenting kehidupan - air.

Ironinya, Dawn Raid bertujuan mengembalikan semula hak rakyat Malaysia dari tangan Inggeris tapi operasi me-

nyelamatkan industri air Selangor dibuat bagi membebaskan belenggu 'penjajahan korporat tempatan'.

Operasi kali ini bukan lagi serangan mengejut pada awal pagi seperti Dawn Raid tetapi pada siang hari dengan dilimpahi 'flash' kamera media.

Ia suatu operasi panjang dan memerlukan.

Tambah pula terpaksa berhadapan dengan serangan demi serangan dari 'tokoh' tertentu.

Meskipun dijalankan melalui rundingan dengan anak tempatan tetapi ketamakan menyukarkan operasi. Rundingan demi rundingan antara Kerajaan Selangor, Kerajaan Persekutuan dan pemegang konsesi industri air Selangor berlarutan lebih lima tahun tetapi menemui jalan buntu.

Ternyata, ia memerlukan satu strategi licik dengan pengetahuan dan pengalaman dunia korporat mendalam ser-

ta kemahiran rundingan yang tinggi.

Kebijaksaan Abdul Khalid memberi kelebihan apabila dengan bijak menjadikan Projek Langat 2 sebagai 'senjata' dalam rundingan itu.

Bagaimanapun selepas ber gelut dengan pelbagai rintangan, akhirnya, pada 26 Februari lalu operasi menyelamatkan industri air Selangor memasuki fasa baru dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) antara Kerajaan Selangor dan Kerajaan Persekutuan.

Walaupun ia tidak memuk-

**Walaupun ia tidak memuktamad operasi itu tetapi cukup melegakan banyak pihak. Mereka menganggap fasa baru ini umpama 'cahaya di hujung terowong'**

tamad operasi itu tetapi cukup melegakan banyak pihak. Mereka menganggap fasa baru ini umpama 'cahaya di hujung terowong'.

Sebenarnya, ketokohan Abdul Khalid bukan semata-mata kejayaan Dawn Raid dan projek penyelamatan industri air Selangor sahaja.

Jangan lupa, beliau jugalah yang bertanggungjawab di belakang kejayaan Kerajaan Selangor mengutip hutang Talam Corporation dan menamatkan apa yang disebutkan sebagai kecelakaan atas isu penamatkan kontrak kutipan sampah Alam Flora di Selangor.

Semua operasi-operasi rumit korporat yang dijalankannya tidak lain dan tidak bukan demi mengembalikan hak rakyat. Ia bukan sekadar kejayaan Abdul Khalid sebagai Menteri Besar semata-mata, malah wajar dikongsikan bersama seluruh rakyat khususnya rakyat Selangor.



# Wan Azizah calon terbaik Kajang

**G**EMPIRA suara reformation masih memecahkan keheningan jam 8 pagi di Bandar Baru Bangi, ketika lebih 400 orang penyokong calon Pakatan Rakyat (PR) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diarak ke pusat penamaan calon.

Bersamanya adalah suami, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersama Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali, Naib Presiden PAS, Sallehuddin Ayub dan pimpinan kanan PR lain.

Keadaan jalan yang sesak di susur masuk dari Lebuhraya Utara-Selatan menyulitkan liputan dan pergerakan penyokong ke bangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang menjadi lokasi berkumpul.

LAPORAN OLEH NAZLI IBRAHIM, AFEEQA AFEERA, NORHAYATI UMOR, LIZAWATI MADFA & NORFARAHIDAYU  
BAHARUDIN FOTO OLEH REMY ARIFFIN, ASRI SAPFIE & SHUAIB AYOB

Berhampirannya tidak kurang dari lima buah bas menurunkan penyokong PR.

Bahkan, Dr Wan Azizah sendiri perlu dibawa ke lokasi menaiki motorsikal vespa. Sepanjang jalan vespa itu disambut penyokongnya yang memakai topeng wajah Anwar Ibrahim. Ada pula yang membawa sepaduk "Sokong dari Kajang ke Putrajaya."

Perarakan merentasi kawasan perumahan dan deraan rumah-rumah kedai. Mereka menyambut Wan Azizah dengan lambai tangan, menawarkan air minuman penghilang dahaga dan sokongan moral. Ada satu keluarga menunggu bersama anak yang memegang bendera lebih besar dari tuuhunya.

"Umno-BN sudah tidak boleh pakai lagi,"

kata Raja Harman Sah Raja Shah Mirnan, 56 kepada wartawan. Beliau datang dari Negeri Sembilan. "Mereka perlu dikalahkan dan kerajaan baru perlu diundi," tambahnya.

Semakin perarakan menghampiri pusat penamaan calon di Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), makin ramai yang menyertai kumpulan ini.

Situasi tetap meriah, namun wartawan ditolak-tolak oleh unit amal yang cuba mengawal jumlah orang yang mencecah 1,000 orang.

Sebaik pintu pusat penamaan dibuka, wanita kental itu kelihatan sebak ketika bersalam tangan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memohon izin untuk meneruskan perjuangan yang belum selesai.

Laungan 'Lawan tetap lawan!' dilauangkan sebagai Anwar memberi restu. Azizah kemudian dibawa masuk ke pusat penamaan diiringi seorang pencadang dan seorang penyokong.

"Harap rakyat Kajang cukup berinformasi dan tidak terkesan dengan BR1M itu," kata Bakri Dahlan, 55 kepada wartawan.

Langit cerah tanpa awan membawa sinar yang me-

manah. Pimpinan-pimpinan PR seperti Presiden PAS Abdul Hadi Awang, Ketua Ahli Parlimen DAP Lim Kit Siang dan tokoh reformasi Dr Syed Husin Ali setia menanti keputusan penamaan bersama penyokong.

Di luar kompleks bersama 2,000 penyokong, agitasi Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli menghangatkan suhu. Kawat-kawat besi yang menghadang penyokong PR dari menghampiri pusat penamaan calon disifatkan tidak ubah seperti penindasan Zionis.

Tepat jam 10 pagi, Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Nawawi Abdul Rahman mengumumkan penamaan telah ditutup dengan Wan Azizah bertarung dalam pertandingan satu lawan satu dengan calon BN, Naib Presiden MCA Chew Mei Fun.



# MANIFESTO KAJANG

## PEMBANGUNAN & PENYENGGARAAN PERBANDARAN

- Meningkatkan prestasi kutipan sampah dengan mengusahakan tapak pelupusan sampah dan sisa pepejal yang baharu yang mesra alam bagi memendekkan jangka waktu kutipan sampah.
- Memperkenalkan kaunter aduan bergerak wakil rakyat di kawasan-kawasan perumahan pada setiap bulan bagi memudahkan rakyat setempat tampil membuat aduan.

## BANTERAS JENAYAH & TINGKATKAN KESELAMATAN

- Menzahirkan persekitaran yang aman, sihat dan mesra keluarga bagi mengurangkan faktor-faktor yang menyumbangkan berlakunya kejadian jenayah.
- Menambahkan peruntukan kepada aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah berasaskan komuniti dan pendidikan kesedaran awam.
- Mewujudkan sistem amaran 'Crime Alert' di mana maklumat kejadian atau suspek jenayah dikongsikan antara penduduk dan polis secara dua hala sebagai langkah keselamatan dan pencegahan.
- Memperbanyakkan program kemasyarakatan dan pendidikan kesedaran awam yang menemuka penduduk, wakil rakyat dan pihak berkuasa melalui mesyuarat 'Town Hall' dan Taklimat Keselamatan secara berkala.

- Setiap aduan rakyat akan dijawab secara bertulis.
- Pertemuan bulanan di antara wakil rakyat, MPKJ, ahli-ahli majlis, wakil penduduk zon-zon serta wakil-wakil persatuan penduduk DUN Kajang.

## TANGANI MASALAH KESESAKAN LALULINTAS

- Melantik jururunding trafik bebas untuk menilai dan mengkaji penyelesaian kepada kesesakan lalulintas di bandar Kajang.
- Memperkenalkan talian Hotline Aduan Kerosakan seperti lampu isyarat untuk memastikan kerosakan dibaiki dalam tempoh 3 hari.

- Membina platform interaktif 'Kajang Traffic Update' melalui laman Twitter, Facebook dan SMS bagi membolehkan pengguna dan pihak berkuasa melaporkan keadaan trafik dari semasa ke semasa dan cadangan laluan-laluan alternatif untuk mengelakkan kesesakan jalanraya.
- Menyiapkan Pelan Trafik Bandar Kajang 2018 untuk menyelesaikan masalah lalulintas yang berkonseptan mesra alam.

**PRK  
N25 DUN  
KAJANG**

## PEMBANGUNAN ANAK MUDA & USAHAWAN KECIL

- Mewujudkan Pusat Khidmat Kerja bagi menganjurkan program-program khusus untuk latihan pekerjaan dan nasihat kerjaya kepada golongan muda.
- Memperkuuhkan peranan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti dan program golongan muda dan belia untuk menggalakan interaksi masyarakat setempat.
- Membawa sebuah pasukan bola sepak yang beraksi di Liga Malaysia ke Kajang dengan menjadikan Stadium Kajang sebagai stadium utama untuk latihan dan perlawanan.
- Meningkatkan peluang orang muda untuk menceburi perniagaan melalui program latihan keusahawanan percuma dan penyediaan kiosk-kiosk moden untuk peniaga kecil.



PAKATAN HARAPAN RAKYAT



OLEH NAZLI IBRAHIM

**D**atuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail atau lebih selesa dipanggil Kak Wan merupakan tokoh yang tidak asing dalam arena politik negara.

Dalam sejarah negara, beliau merupakan wanita kedua yang memimpin sebuah parti politik. Di bawah pimpinannya, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bergabung membentuk gerakan politik yang ampuh menghadapi BN.

Beliau berjaya mempertahankan kedudukannya setiap kali digasak lawan dalam semua pilihan raya di Parlimen Permatang Pauh, sebelum mengundur diri dan memulangkan kerusi itu kepada suami selepas dibebaskan daripada penjara.

Hakikatnya, beliau disegani lawan kerana perwatakannya yang membezakan beliau daripada ahli politik lain. Kini, beliau dipilih untuk membawa bendera PR dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang. Selangor Kini menemu bual beliau.

**Selangor Kini: Apa perasaan Datuk Seri, pada saat Datuk Seri ingin bersara dari dunia politik, kini dipilih untuk bertanding di Kajang.**

Dr Wan Azizah: Tidaklah saya bersara dalam politik, tetapi apabila diberitahu saya merupakan salah seorang calon terpilih, saya agak terkejut juga kerana saya mahu beri peluang kepada anak muda yang darah muda untuk ambil alih reformati yang kita sama-sama lahirkan pada 1998.

Bila difikirkan, alasan-alasan yang saya diberitahu, ini adalah satu peluang untuk saya kembali aktif dan beri khidmat kepada rakyat.

Anak-anak beri galakan yang begitu baik sekali. Kata mereka, "Mama... kami dah boleh berdikari dan sekarang ini perlah mama untuk berkhidmat untuk negara."

**Datuk Seri bertanding di Permatang Pauh selama tiga penggal, kemudian mengundur diri untuk berlaluhan kepada Datuk Seri Anwar, kali ini, sekali lagi Datuk Seri terpaksa ke depan bagi gantikan Datuk Seri Anwar. Bagaimana Datuk Seri terfikir untuk menyahut tawaran ini?**

Ketentuan Allah. Saya fikirkan begitu sebab banyak masa yang bukan jadi pilihan sendiri, tetapi apabila keadaan jadi begitu, saya rasa terpanggil bahawa ini untuk tanah air, untuk agama kita. Saya mohon Allah berikan saya kekuatan untuk teruskan. Kalau keputusan saya ini tepat, insya-Allah menang.



**Seandainya PRK di DUN Kajang menyebelahi Datuk Seri, apa yang akan ditawarkan kepada warga Kajang, dan bagaimana Datuk Seri ingin menyumbang pada pentadbiran sedia ada.**

Kita telah buat culaan dan 'survey', apakah masalah yang timbul di kalangan pengundi Kajang. Contohnya jenayah. Kita kena pastikan masalah ini ditangani secara khusus.

Keduanya soal kebersihan kerana masih banyak aduan bahawa kutipan sampah boleh dipertengkatkan lagi dan kebersihan Kajang itu sendiri boleh diperbaiki.

Ketiga, sekarang ini banyak yang perlukan pekerjaan. Jadi kita kena sediakan peluang pekerjaan supaya anak-anak kita mempunyai kerja. Begitu juga suri rumah kerana di sini adalah kawasan urban dan semi urban.

Jadi, mereka yang mempunyai kebolehan, kita gemblengkan tenaga untuk sumbang kepada pembangunan Kajang.

Untuk Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Kerajaan Negeri Selangor itu pula, al-hamdlillah... Kerajaan Selangor sudah buat banyak penambahbaikan sejak ambil alih daripada BN. Gabungan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, dan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku penasihat ekonomi dan juga akar umbi parti itu boleh kita tolong tingkatkan.

**Sebelum ini menurut Datuk Seri Anwar, Langkah Kajang merupakan landasan menjadikan Selangor negeri contoh untuk tawan Putrajaya, namun selepas ini, apa status Langkah Kajang?**

Langkah Kajang masih lagi berjalan. Tidak ada apa-apa boleh memesong objektif kita. Kalau kita imbas kembali, memang ada langkah BN cuba memecahkan melalui agama. Ekstrim agama memang nampak berleluasa. Jadi kita kena hentikan. Kekuatan kita adalah kerana kita ada pelbagai dan kepelbagai agama itu kita jalinkan dengan harmoni. Itu kita mesti rezabkanlah sebagai khazanah bersama.

Langkah Kajang merupakan satu model. Kita selalu bercakap untuk menunjukkan satu tata kelola yang diperbaiki, dan kita nak basmi kemiskinan dan nak tingkatkan golongan kelas menengah. Melalui Langkah Kajang kita mahu tunjukkan bahawa sepatutnya kitalah bawa Malaysia.

**Melihat kepada perkembangan setakat ini, bagaimana Dato Seri selaku Presiden PKR melihat status rekonsiliasi yang ditawarkan BN dan PR? Mungkinkah rekonsiliasi boleh berlaku? Jika ya... apa syarat-syarat yang Kak Wan letakkan bagi memungkinkan rekonsiliasi berlaku?**

Kalaularif difikirkan, apa-apa langkah pun mestilah ada keikhlasan. Kalau cara inilah mereka gunakan mahkamah, tidaklah perlu kita fikirkan rekonsiliasi atau yang kita namakan Konsesus Nasional.

Kalau mahkamah dipergunakan begini tidak bermakna bercakap dan tidak bermakna apa pun langkah dari mereka. Hari ini hukuman ke atas YB Karpal Singh jelas menunjukkan satulagi ketidakikhlasan itu.

Maaf, kita mesti ikut adab tatasusila Islam dan budaya timur.

**Kembali kepada situasi Datuk Seri Anwar, pengundi Kajang mungkin mengundi PKR atas dasar protes dan simpati dan bukan lagi atas dasar idea politik baru. Bagaimana Datuk Seri melihat perkembangan ini dan kesannya kepada usaha Datuk Seri selaku Presiden dan PKR yang membawa nafas baru dalam politik idea negara ini?**

Manusia itu memang mempunyai simpati kerana mereka melihat tidak ada keadilan. Mereka melihat kezaliman. Al-hamdlillah... itu satutambah nilai, Insya-Allah membuatkan kita menang. Dengan kemenangan itu kita akan teruskan dengan apa yang saudara Anwar mulakan. Ini bukan soal Anwar sahaja, ini isu nasional, ini isu negara.

“

**Anak-anak memberi galakan yang begitu baik sekali. Kata mereka, "Mama... kami dah boleh berdikari dan sekarang ini perlah mama untuk berkhidmat untuk negara.**

“

**Dengan kemenangan itu kita akan teruskan dengan apa yang saudara Anwar mulakan. Ini bukan soal Anwar sahaja, ini isu nasional, ini isu negara.**

PRK N25 DUN Kajang

# Majoriti lebih besar untuk Wan Azizah



**Kita akan capai kemenangan, bukan sekadar kemenangan biasa, tapi kemenangan luar biasa, kemenangan yang jauh lebih besar**

**SAIFUDDIN NASUTION**  
Setiausaha Agung PKR



**Kita akan beri sokongan penuh, tanpa berbelah bagi kepada PKR untuk jayakan misi kemenangan Datin Seri Dr Wan Azizah**

**MAHFUZ OMAR**  
Ketua Penerangan PAS



**Kita harap penduduk Kajang dapat berikan sokongan padu, padat dan besar kepada calon PKR kita, Datin Seri Dr Wan Azizah**

**TONY PUA**  
Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP

## PR berjaya satukan kaum

**KEBANJIRAN** sokongan warga Kajang daripada pelbagai kaum dan latar belakang menunjukkan Pakatan Rakyat berjaya menyatukan masyarakat yang sekian lama dimomok agenda perkauman sempit.

Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata warga Kajang boleh menyaksikan Pakatan Rakyat merupakan jawapan yang terbaik yang mampu ditawarkan untuk mengubat barah perpecahan di negara ini.

"Di Kajang ini menunjukkan kita Pakatan Rakyat berjaya memecahkan sempadan perkauman yang sering ditaja oleh BN," katanya, sewaktu melancarkan Jentera Pilihan Raya Pemuda PR.



Hadi menggesa rakyat supaya sepakat memenangkan calon PR sebagai mesaj kepada BN bahawa rakyat Kajang menolak manipulasi agama dan isu kaum untuk melaga-lagakan rakyat.

"Atas rekod ini, kita mahukan Kajang turus melonjakkan mesej undi popular ini untuk kita kekal di Kajang. Kita mahu rakyat sebagai pendongong utama," tegasnya.

Sebelum itu, Ustaz Abdul Hadi dan Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyerahkan bendera parti masing-masing kepada ketua Pemuda PAS, AMK dan DAP sebagai simbolik pelancaran jentera PRK Pemuda.

**MENTERI** Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menggesa rakyat Selangor di Kajang untuk memberi kemenangan yang besar kepada calon Pakatan Rakyat (PR), Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau, yang juga Pengarah Pilihanraya Kecil N25 itu, melahirkan keyakinan dengan ketokohan Wan Azizah sebagai yang terbaik untuk Kajang.

"Kita harus berbangga kerana Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail bertanding di Selangor. Beliau antara yang menubuhkan PRK dan kita akan bekerja keras bagi memastikan kemenangan lebih besar dicapai daripada PRU-13 lalu," katanya.

Wan Azizah diumumkan menggantikan calon PR sebelum ini, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk bertanding selepas mantan Timbalan Perdana Menteri itu terlucut kelayakan untuk bertanding ekoran keputusan mahkamah keatasnya baru-baru ini.

Khalid berkata Wan Azizah seorang pejuang yang tabah dan telah berjuang untuk politik negara ini dan suaminya sejak tahun 1998.

Wan Azizah bakal berdepan dengan



calon Barisan Nasional, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Kerusi DUN Kajang kosong selepas penyandangnya yang juga daripada PRK, Lee Chin Cheh meletak jawatan, pada 27 Januari lalu.

Dalam pertandingan enam penjurur Pi-

lihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) pada 5 Mei lalu, Lee Chin Cheh (PKR) memperoleh 19,571 undi dengan majoriti 6,842, sekali gus membolehkan beliau menewaskan calon BN daripada MCA, Lee Ban Seng yang memperoleh 12,747 undi.



## 'Populariti' kangkung melonjak semula

**KANGKUNG** kembali lagi menjadi bahan jenaka warga Kajang. Di pernambaka calon PRK Kajang kelihatan penyokong-penyokong Pakatan Rakyat (PR) membawa sejambak kangkung sambil bersalam dan beramah mesra dengan penduduk.

Bahkan calon PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah dan beberapa pimpinan PR turut kelihatan memegang gubahan kangkung itu.

Selangor Kini difahamkan gubahan itu simbolik bantahan rakyat kepada kenaikan kos sara hidup rakyat.

Isu kangkung menjadi hangat apa-

bila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam ucapannya pada majlis penyampaian bantuan kepada mangsa banjir di Kemaman, Terengganu, pada 12 Januari lalu.

"Kangkung naik, ada masa dia naik, ada masa dia turun. Hari ini dalam surat khabar saya baca, ada yang dia turun. Kangkung dulu naik, sekargan ini dia turun. Bila turun apasal tak puji kerajaan?" kata Najib dalam ucapan itu.

Ucapan Najib itu menjadi bahan jenaka di laman sosial, terutamanya rakyat yang terhimpit dengan kos sara hidup.



**TUMPUAN...** Salah seorang penyokong Pakatan Rakyat yang berhimpun di bangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengambil kesempatan meminta Datuk Sri Anwar Ibrahim menandatangi kopiah yang dipakai sewaktu Penamaan Calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang di Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Bandar Baru Bangi



**KAJANG** - Program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan Mesra Rakyat adalah kesinambungan daripada program serupa yang dilaksanakan di seluruh negeri, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata demikian menolak dakwaan bahawa Kajang hanya diberi perhatian istimewa pada Pilihanraya Kecil (PRK) Kajang.

"Kalau diteliti, kita lakukan (program) sebelum penamaan calon kerana ia bukan baru tetapi sambungan program sebelumnya seperti Mesra Rakyat yang telah berlaku, sejak tahun 2011 lagi," jelasnya dalam sidang media selepas merasmikan program Jom Bersih di Taman Jenaris, baru-baru ini.

Sementara itu, Abdul Khalid juga berkata program-program Kerajaan Negeri akan dihentikan buat seketiara bagi memberi tumpuan kepada PRK Kajang.

Beliau turut mengalau-alukan Kerajaan Pusat untuk turun membantu usaha Kerajaan Negeri membantu rakyat Selangor.

"Kita tak halang kalau Kerajaan Pusat buat program sebegini tetapi program Kerajaan Negeri dibuat sebelum penamaan calon dan ia adalah berterusan," katanya.

## Laksanakan MES di seluruh Selangor



Kajang terus menjadi tumpuan orang ramai dengan pelbagai masakan daripada peserta Mimbar

## Perintis projek kemahiran belia desa

**KAJANG** menjadi perintis projek pembangunan luar bandar yang berteraskan kepada agenda meng-angkat taraf ekonomi warga desa.

Menyertai majlis pelancaran Projek Kemahiran Belia Desa di Dewan Jubli Perak, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di Kajang semalam, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata projek itu melibatkan input daripada penduduk desa dan ketua kampung masing-masing melalui penerokaan peluang ekonomi di desa-desa dan pemberdayaan kemahiran belia desa.

"Masih terdapat belia di kampung tidak mendapat perkerjaan yang baik disebabkan kelulusan akademik atau peluang pekerjaan yang terbatas. Oleh sebab itu, saya minta setiap ketua kampung beri lima nama belia berusia 27 tahun ke bawah untuk kita sediakan latihan kemahiran seperti jurupap dan juruelektrik."

"Bila lulus nanti, mereka ini akan ditempatkan di pangkalan Selangor yang memerlukan tenaga kerja dengan pendapatan tidak kurang RM1,500 sebulan. Kita harap usaha ini boleh melahirkan tenaga kerja mahir yang laku di mana sahaja," katanya, di pertemuan bersama Ketua Kampung seluruh Selangor di kediamannya baru-baru ini.



Menteri Besar bersalaman dengan ketua kampung yang hadir

Menurut Abdul Khalid, Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM50 juta bagi menjayakan projek ini.

Projek ini dilancarkan September tahun lalu dan dimulakan dengan membentuk kumpulan pembuat kertas kerja melibatkan penduduk kampung tradisi, kampung baru dan kampung komuniti India di Dewan Jubli Perak, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan

sesi pembentangan kertas kerja bersama Abdul Khalid.

Sementara itu, sebanyak RM2 juta diperuntukkan untuk melaksanakan Program Kemahiran Teknikal Belia Luar Bandar, April ini.

Program ini memberi peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPRM) yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran.

## Insentif bas sekolah

**KAJANG** - Selaras dengan usaha mengangkat taraf ekonomi warga desa, Program Pemberian Incentif Bas Sekolah dilancarkan bagi meringankan beban ibu bapa menanggung kos bas sekolah anak-anak mereka.

Menyedari pendidikan anak-anak komponen utama agenda itu, Kerajaan Negeri memberi RM20 kepada ibu bapa atau waris untuk membantu isi rumah yang mempunyai tiga anak yang bersekolah.

"Ketua kampung diberi tugas untuk memberi nama semua anak ini ke pejabat daerah untuk menerima insentif. "Kita berharap pemberian ini dapat meringankan beban ibu bapa di kawasan kampung yang kebanyakannya berpendapatan rendah dan tidak tetap," kata Abdul Khalid selepas pelancaran program itu di Dewan Orang Ramai Taman Mesra baru-baru ini.

Menurut tinjauan Pejabat Daerah Hulu Langat mendapat 4,500 orang anak-anak kampung menaiki bas sekolah. Pemberian insentif ini akan dikendalikan oleh Pejabat Daerah Hulu Langat.

# Anak-anak Kajang dirai

**SERAMAI** 80 penerima bertuah Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) menyambut hari kelahiran mereka bersama Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, di Kampung Sungai Sekamat.

Mereka menerima sijil penyata akaun bernilai RM1500 setiap satu.

Tidak cukup dengan itu, Abdul Khalid berkata penerima Tawas yang lahir pada 2008 sudah menerima sumbangan Jom Shopping, manakala mereka yang lahir pada 2009 dan 2010 bakal menerima bonus RM30.

Penerima juga akan diberikan insurans khairat kematian bernilai RM1500 kepada pendaftar yang meninggal sebelum berusia 18 tahun.

"Program TAWAS akan merapatkan kita dan semua anak Selangor dengan kerajaan negeri.

"Kerajaan Selangor di bawah pimpinan Pakatan Rakyat (PR) akan sentiasa memastikan semua rakyat di negeri ini merasakan hasil kebaikan daripada sumber negeri," katanya.

Turut dihadir adalah Exco Wanita dan Kebajikan, Rodziah Ismail dan Penasihat Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas), Datuk Anuar Md. Zin dan hampir 500 orang penduduk.

Kebanyakan ibu bapa penerima menyatakan kesyukuran atas program yang dianjurkan Yawas.

Raja Nor Fauzura Raja Mohd Fauzi berkata, dia sangat bersyukur apabila menerima berita anaknya, Raja Nor Farisha Raja Mohd Saleh terpilih sebagai salah seorang penerima Tawas.

"Kami sekeluarga amat bersyukur



pada kerajaan negeri dan Tawas. Majlis sebegini sangat baik kerana dapat merapatkan hubungan tanpa mengira bangsa," katanya.

Ibu penerima, Ratiah Abbas pula berkata dia terkejut apabila anak bongsu, Nur Zalaikha Abdullah dihubungi untuk menyambut hari kelahiran bersama Menteri Besar.

"Pada kami, bukan senang untuk dipilih sebagai penerima dan Alhamdulillah kerana anak bongsu saya sangat bertuah kerana terpilih. Saya sangat bersyukur dan terharu dengan usaha kerajaan negeri



**Raja Fauzura Raja Mohd Fauzi**



**Alhamdulillah kerana anak bongsu saya sangat bertuah kerana terpilih. Saya sangat bersyukur dan terharu dengan usaha kerajaan negeri**

**RATIAH ABBAS**  
Ibu Penerima

## Segera nikmati hasil kekayaan negeri

**SEMUA proses pentadbiran program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) akan dipercepatkan supaya rakyat dapat menikmati hasil kekayaan negeri dengan segera.**

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga akan menambah peruntukan bagi menjayakan lagi perlaksanaan program MES.

"Prinsip yang penting bagi kita adalah ketelusan, bertanggungjawab dan tadbir urus yang baik," katanya ketika Majlis Penyampaian Program MES dan Sukan Bersama Rakyat di Desa Sri Jenaris, baru-baru ini.

Di majlis itu, Abdul Khalid



berkata beliau memberi tumpuan yang lebih kepada usahawan wanita.

Abdul Khalid sempat ber-

mesra bersama penduduk dan majlis itu turut dihadiri Exco Wanita dan Kebajikan, Rodziah Ismail dan Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kajang, Datuk Hassan Nawawi Abdul Rahman serta hampir 1,000 penduduk.

Beliau turut menyampaikan bantuan kepada 18 penerima Skim Mesra Usia Emas (SMUE), lima penerima pembiayaan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) dan Hadiah Anak Masuk Universiti serta dua penerima Skimsel.

Penerima SMUE, Rosman Md Said, berkata Orang Kelayanan Upaya (OKU) seperti dia amat bersyukur kerana Kerajaan Negeri sebelum ini tidak memberi bantuan.

Manakala penerima Mimbbar, Asmiliah Salmu, berpendapat program itu sangat bagus untuk wanita tanpa perlu membuat pinjaman bank yang mengenakan kadar faedah yang tinggi.

# Referendum tolak kezaliman BN



Wanita Pakatan menyokong sebulat suara pencalonan Wan Azizah di Kajang

## Tawaran Konsensus Nasional PR-BN batal

**PAKATAN** Rakyat (PR) menarik semula tawaran Konsensus Nasional yang pernah diperlakukan kepada Barisan Nasional (BN) sebelum ini akibat keputusan Mahkamah Rayuan yang menjatuhkan hukuman terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lalu.

Anwar yang juga Ketua Umum PKR ketika berucap di Kajang sebelum hari penamaan calon turut mengisyiharkan "perang dasar" ke atas pemimpin BN yang didakwa menyalahgunakan kuasa serta memperalatkan badan kehakiman negara.

Beliau mendakwa panel hakim yang mendengar hujahan kes membabitkan bekas pembantu peribadinya itu tidak mempedulikan fakta sebaliknya hanya bersetuju dengan hujah peguam pihak pendakwaan, Tan Sri Shafee Abdullah.

"Sekarang sudah tiada lagi dialog. Tiada lagi Konsensus Nasional. Kita lawan kerana mereka biadab."

"Tiga orang (panel hakim) sama sahaja dengan Shafee. Jatuh hukum tak peduli faktanya," tegas beliau.

Ucapan Anwar itu menda-

pat sorakan ratusan penyokong Pakatan yang kembali melaungkan perkataan "lawan".

Sebelum ini, Anwar pernah mengajak BN untuk berdialog demi mencapai konsensus nasional antaranya bagi mengatasi unsur menggugat perpaduan dan kebencian antara agama yang kian meningkat.

Jumaat lepas, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 Jan 2012 yang membebaskan Anwar daripada tuduhan kes membabitkan bekas pembantu peribadinya Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Balia Yusof Wahi membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan menjatuhkan hukuman penjara lima tahun terhadap Anwar.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan penangguhan hukuman sementara menunggu rayuan di Mahkamah Persekutuan dan merintahkan Anwar membayar ikat jamin RM10,000.

Hakim Balia memutuskan hakim perbicaraan terkhilaf dalam penghakimannya bahawa integriti sampel DNA telah tercemar.

“

Saya mengajak semua pengundi terutama di Kajang untuk bersama saya memberi mesej yang kuat dan menyeluruh. Dalam perhitungan tanah yang tidak rata, saya kira kemenangan itu yang saya cari, doakan yang lebih penting untuk dapat majoriti besar

**PILIHAN** Raya Kecil (PRK) Kajang berpotensi menjadi 'referendum' rakyat menolak ketidakadilan dan kezaliman BN.

Calon PR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata beliau mahu menterjemahkan sokongan kepada PR di Kajang sebagai satu mesej jelas membantah kepincangan sistem kehakiman negara.

"Saya mengajak semua pengundi terutama di Kajang untuk bersama saya memberi mesej yang kuat dan menyeluruh.

"Dalam perhitungan tanah yang tidak rata, saya

kira kemenangan itu yang saya cari, doakan yang lebih penting untuk dapat majoriti besar," katanya.

Sementara itu, mantan Menteri Besar Tan Sri Muhammad Taib turut menzahirkan sokongan kepada pelan referendum itu.

Beliau yakin kesedaran masyarakat yang semakin celik politik menjadi penting dalam keputusan pilihan raya nanti.

"Saya fikir hanya sebahagian saja undi simpati. Undi asas adalah undi yang ingin kepada pembaharuan dan perubahan. Itu jelas," katanya.



Anwar menghulurkan bunga kepada Wan Azizah sambil diperhatikan pimpinan Pakatan yang lain



**TUNJUK BAKAT...** Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menendang bola ke gawang gol, yang dikawal Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kajang, Datuk Hassan Nawawi Abdul Rahman di Kampung Desa Sri Jenari

DIPERSEMBAHKAN OLEH



[www.mwm.my](http://www.mwm.my)

RUN SISTERS RUN

DREAM  
BELIEVE  
*Become*



16  
03 2014

MWM

Sole Sisters and Soul Sisters,  
Jom sertai kami, kami menanti anda

PENAJA UTAMA



AVON



GE imagination at work



PENAJA BERSAMA



PENAJA BERSAMA



RADIO RASMI



HOTEL RASMI



MEDIA RASMI



PENDARNGAN RASMI



DISOKONG OLEH



MBSA  
MAJLIS BAHARU UNTUK ALAM



EXCO  
KEBAIKAN DAN HAL EHWAH WANITA



EXCO  
KESIHATAN, PEMBANGUNAN USAHAWAN,  
SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI



## RM20,000 selenggara Pangsapuri Makmur

OLEH AFEEQA AFEERA

**KERAJAAN** Negeri bersama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memperuntukkan sejumlah RM20,000 bagi kerja menaik taraf kemudahan taman rekreasi di Pangsapuri Makmur, Bandar Baru Saujana.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam satu kenyataan berkata, tujuan

menaik taraf kemudahan berkenaan adalah bagi memastikan penduduk di pangsapuri itu memikerti persekitaran yang selesa.

Antara kemudahan yang dinaik taraf adalah pondok rehat, laluan pejalan kaki, pagar jenis chain link, penanaman pokok, penambahan bangku dan buai-an serta mengecat gelanggang takraw sedia ada.

Katanya ia bagi memudahkan



Menteri Besar, Iskandar dan Hasan Nawawi, merasmikan pelancaran kerja-kerja naik taraf Pangsapuri Makmur



### JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputra yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembentangan)	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN PEMBINAAN DAN MENYIAPKAN MASJID TAMAN PADU PERMAI, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN  No.Tender : JKR/SEL(N) 012(T)/2014	Bumiputra T1	<p>Mempunyai Pendaftaran seperti berikut</p> <p>i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan</p> <p>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah</p> <p>iii) Wajib berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</p> <p>Gred: G6 Kategori: B Pengkhususan: B04</p>	<p>Bahagian Kontrak&amp;Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor</p> <p>Tarikh Dokumen Dijual:</p> <p>17/03/2014 (Isnin) Hingga 31/03/2014 (Isnin)</p>	<p><b>RM 600.00</b> (Bank Draf atau Kiriman Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)</p> <p>Atas Nama: Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor</p>	<p>Bahagian Kontrak&amp;Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor</p> <p>Pada: 08/04/2014 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.</p> <p>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan</p>

Lawatan Tapak digalakkan. Sebarang pertanyaan sila berhubung di Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447746/7756

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputra yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembentangan)	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN SISTEM ELEKTRIK BAGI SISTEM LV DAN SISTEM ELV UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN KOMPLEKS ISLAM, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN  No.Tender : JKR/SEL(N) 003(T)/2014	Bumiputra T1	<p>Mempunyai Pendaftaran seperti berikut</p> <p>i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan</p> <p>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah</p> <p>iii) Wajib berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)</p> <p>Gred: G7/G6/G5/G4 Kategori: ME Pengkhususan: E01, E02, E04, E07, E11 &amp; E14</p>	<p>Bahagian Kontrak&amp;Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor</p> <p>Tarikh Dokumen Dijual:</p> <p>17/03/2014 (Isnin) Hingga 31/03/2014 (Isnin)</p>	<p><b>RM 250.00</b> (Bank Draf atau Kiriman Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)</p> <p>Atas Nama: Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor</p>	<p>Bahagian Kontrak&amp;Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor</p> <p>Pada: 07/04/2014 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.</p> <p>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan</p>

Lawatan Tapak digalakkan. Sebarang pertanyaan sila berhubung di Bahagian Elektrik, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447738/7731

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **Sijil asal PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN serta SIJIL TARAF BUMIPUTERA dan satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

- \*Jenis Pendaftaran:  
 T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).  
 A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.  
 A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.  
 T2 - Tidak berkenaan

penduduk menjalankan aktiviti riadah dan kemasyarakatan.

"Kemudahan yang diselenggara ini juga dapat memupuk kerjasama penduduk dalam memelihara supaya dapat digunakan dalam tempoh yang panjang.

"Ia juga mampu membina jaringan komunikasi sesama penduduk sekaligus dapat memupuk nilai saling faham-memahami, hormat-menghormati dan toleransi di kalangan penduduk yang berbilang kaum," kata kenyataan itu.

Katanya, penyelenggaraan kemudahan itu juga adalah bagi memenuhi tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam menyediakan perumahan yang memberi ke-selesaan kepada penduduknya.

Program itu dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan disertai Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad serta Yang Dipertua MPKj, Datuk Hasan Nawawi Abdul Rahman.

## Wan Azizah pelengkap kekuatan ADUN wanita

**SHAH ALAM** - Kehadiran Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail dalam politik Selangor akan menambah suara wanita dalam proses membuat keputusan di Selangor.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Rodziah Ismail berkata dasar dan perlaksanaan Kerajaan Negeri akan lebih kreatif dan saksama sekiranya lebih ramai wanita digandingkan bersama lelaki di Dewan Negeri Selangor.

"Ia suatu perkembangan yang mengujakan setiap aktivis dan mereka yang sedar betapa perlunya perwakilan wanita sebagai wakil rakyat.

"Wan Azizah tentunya akan menjadi seorang wakil rakyat yang baik, bahkan tersohor dan sentiasa mendampingi rakyat seperti menjadi wakil rakyat di Permatang Pauh dan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR)," katanya.

Bagi Rodziah, kehadiran Wan Azizah akan menjadi pelengkap dan menguatkan lagi

barisan ADUN wanita memperhalusi isu kebajikan, gender dan perspektif rakyat.

"Ini bukan bermaksud ADUN lelaki tidak begitu, tetapi lumrah wanita itu dengan aura keibuananya ternyata lebih seni.

Beliau turut menggesa negeri lain untuk mencontohi usaha Selangor mempertingkatkan peranan wanita dalam urustadbir negeri.

"Selangor sudah membuktikannya sebaik mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri dengan 40 peratus exco-nya adalah wanita.

"Selangor juga melantik Speaker dan Timbalan Speaker wanita pertama dalam Dewan Negeri di Malaysia, Datuk Bandar wanita pertama di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Yang Di Pertua wanita di Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Setiausaha Politik wanita pertama bagi Menteri Besar Selangor," katanya.

# Tempatan

Selangorkini 14 - 21 Mac 2014 | 15



## Konvensyen bukti PR bersatu

**SHAH ALAM** - Konvensyen Pakatan Rakyat ke-5 menjadi ruang buat perwakilan seluruh negara menekuni prinsip yang mengikat muafakat PKR, PAS dan DAP memperjuangkan matlamat yang sama.

Pada acara penutup konvensyen itu, Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Ketua Ahli Parlimen DAP Lim Kit Siang memeterai resolusi 'Tekad Muafakat Pakatan' yang menaikkan setiakawan antara komponen.

"Tujuan konvensyen ini tujuanya untuk memantapkan lagi perjuangan Pakatan Rakyat dan menjelaskan lonjakan yang perlu dilakukan," tegas Anwar pada sidang media pemeteraian resolusi.

"Program kita tidak akan digendalikan oleh Umno. Kita tidak fikir hukuman keatas saya akan mengagalkan PR," tambah beliau.

Antara resolusi utama yang disepakati adalah memulihkan kedudukan Islam sebagai lansaran penting untuk umat Islam di negara ini.

Abdul Hadi berkata, PKR dan DAP bersetuju untuk memberi penekanan kepada semangat Perlembagaan yang menjamin kebebasan beragama, dan memartabatkan Islam sebagai agama persekutuan.

"Apa yang menarik perhatian kita dan perlu difahami oleh umat Islam khususnya ialah

agama Islam tidak bebas dan tidak ada hak.

Contoh Mahkamah Syariah tiada hak untuk mengadili kes rasuah, kes jenayah, kes qazaf. Mahkamah Syariah hanya untuk nikah kahwin dan harta putusa," tegas Hadi.

Konvensyen ini ialah kelangsungan dari resolusi-resolusi yang pernah diambil dalam konvensyen terdahulu.

Kit Siang berkata, PAS dan PKR mengulangi komitmen untuk memulihkan demokrasi, terutamanya badan kehakiman yang diganggu-gugat campur-tangan politik.

"Kereputan badan kehakiman harus dihentikan. Apa yang berlaku (ke atas Anwar) dan proses yang digesa-gesakan menunjukkan kereputan masih berlaku.

"DAP berpendapat perlu perubahan sistem yang menyeluruhi untuk menyelamatkan Malaysia," kata Kit Siang.

Turut hadir di sidang media penting itu adalah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Abdul Khalid berkata, meskipun suasana sedikit suram di konvensyen itu, namun PR tetap bersemangat untuk meneruskan perjuangan mereka walaupun tanpa Anwar di sisi.

"Pada hari ini konvensyen kita agak 'dipatahkan' dengan keputusan tersebut.

"Tetapi bagi pihak PR, kita akan teruskan perjuangan walau terpaksa menghadapi onak dan badai," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR															
14 - 21 MAC 2014															
12 - 19 JAMADILAWAL 1435H															
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat								
14 Jumaat	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
15 Sabtu	5:54	6:04	7:20	1:25	4:34	7:27	8:36	14 Jumaat	5:57	6:07	7:23	1:27	4:37	7:29	8:38
16 Ahad	5:54	6:04	7:20	1:25	4:33	7:27	8:35	15 Sabtu	5:56	6:06	7:22	1:27	4:36	7:29	8:38
17 Isnin	5:54	6:04	7:19	1:24	4:32	7:26	8:35	16 Ahad	5:56	6:06	7:22	1:27	4:35	7:29	8:37
18 Selasa	5:53	6:03	7:19	1:24	4:31	7:26	8:35	17 Isnin	5:56	6:06	7:21	1:26	4:34	7:28	8:37
19 Rabu	5:53	6:03	7:19	1:24	4:30	7:26	8:35	18 Selasa	5:55	6:05	7:21	1:26	4:33	7:28	8:37
20 Khamis	5:52	6:02	7:18	1:24	4:30	7:26	8:35	19 Rabu	5:55	6:05	7:21	1:26	4:32	7:28	8:37
21 Jumaat	5:52	6:02	7:18	1:23	4:29	7:26	8:34	20 Khamis	5:54	6:04	7:20	1:25	4:31	7:28	8:36

### KERAJAAN NEGERI SELANGOR

#### KENYATAAN TENDER (TENDER TERBUKA)

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor di Malaysia yang berkelayakan seperti di dalam jadual di bawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berkaitan untuk Projek Mitigasi Kekurangan Bekalan Air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya (Fasa II), seperti berikut :-

Tajuk	No. Tender	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat-syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Masa Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh Tutup
PROJEK PENGAGIHAN SEMULA KAPASITI REKA BENTUK LOJI SUNGAI SELANGOR FASA 3 (SSP 3) : PEMINDAHAN PUKAL RASA						
<b>Pakej 1:</b> Membekal Dan Memasang Paip Jenis Keluli Lembut (Mild Steel) Bergaris pusat 1000mm Dan Kerja-kerja Berkaitan Dari Batu Arang Ke Bandar Tasik Puteri	2081/5.1	Bumiputra/ T1	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Penghusus CE20 dan CE21 2. SPAN Permit IPA C1 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor (seperti perkara 5 dibawah)	RM750.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)	Taklimat: 14 Mac 2014 (10.00 pagi)  Lawatan Tapak: 17 Mac 2014 (WAJIB)	10 April 2014 (12.00 tegahari)
<b>Pakej 2:</b> Membina, Memasang, Menyiapkan, Menguji/rima Dan Mentaubil Kerja-kerja Sifiti, Mekanikal, Elektrikal Dan Yang Berkaitan Di Rumah Pam Baru Dan Di tangki Sedutan Sediada Di Panca Rasmi	2081/5.2	Bumiputra/ T1	1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Penghusus CE20, CE21 dan M19 2. SPAN Permit IPA C1 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor (seperti perkara 5 dibawah)	RM1000.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)		10 April 2014 (12.00 tegahari)
PENGAGIHAN SEMULA KAPASITI REKA BENTUK AIR TERAWAT DARI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SELANGOR FASA 1 (SSP1)		Terbuka/ T2				
<b>Pakej 2:</b> Kerja-Kerja Membina Stesen Pam serta Membekal dan Memasang Loji Pam di Tangki Air Imbangan Bukit Matang Pagar, Daerah Gombak, Dan Kerja-Kerja Paip berkaitan, Daerah Petaling, Selangor	2081/3.1		1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Penghusus CE20, CE21 dan M15 2. Berdaftar dengan SPAN di bawah Permit IPA Jenis C1 (Bekalan Air) 3. Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor (seperti perkara 5 dibawah)			


2. Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **14 Mac 2014** pada waktu pejabat di alamat :

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40000 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

- Dokumen Tender akan mula dijual bermula pada **17 Mac 2014**, pada waktu pejabat di alamat tersebut di atas.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **31 Mac 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluaran selepas dari tarikh tersebut.
- Petender-petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Tender. Petender dikenyatakan mengemukakan Resit Bayaran Pendaftaran sebagai bukti kontraktor telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Tender.
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil syarikat hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Asal atau Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Sijil Asal Pendaftaran SPAN dan Resit Bayaran Pendaftaran dengan UPEN Selangor. Salinan Sijil Pendaftaran boleh diterima jika disahkan oleh Agenzia berkaitan.
- Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draft Bank atau Kiriman Wang di atas nama Bendahari Negeri Selangor.
- Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **14 Mac 2014 (10.00 pagi)** di Bilik Mesyuarat, Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan menghadiri dan menyertai lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **17 Mac 2014**. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
- Petender-petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Tender.
- Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan tender. Jika dokumen tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakar dengan mencatakan tajuk dan no. tender pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada pukul **12.00 tengahari 10 April 2014** di alamat :

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40000 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

- Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima tender yang termurah/terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tender. Kerajaan juga mengikut budi bicaranya tidak terikat untuk memberi maklum balas kepada sebarang bantahan yang mungkin diterima berkenaan tender. Kerajaan juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada tender dan segala keputusan Kerajaan adalah muktamad.
- # Taruhan Terbuka kepada:  
T1 : (i) Syarikat 100% milik warganegara bertaraf Bumiputra;  
T2 : (i) Syarikat 100% milik warganegara; atau  
(ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau  
(iii) Syarikat usahasama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di BSKL atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



**PAKATAN** Rakyat tidak akan rebah meskipun Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dimasukkan ke penjara.

Ini kerana gagasan itu berdiri teguh dan bergerak bersendikan muafakat di atas platform perjuangan yang jelas.

Begitu mesej yang ditegaskan pimpinan komponen di Konvensyen Pakatan Rakyat ke-5 yang diadakan di Shah Alam, 8 Mac lepas.

Dari luar Pusat Konvensyen Setia Alam, tempat berlakunya konvensyen satu hari itu, kedengaran "Re-for-ma-si" dilauangkan oleh 1,000 perwakilan yang hadir dari segenap pelusuk negara.

"Pakatan Rakyat hari ini siap untuk serangan baru yang lebih kuat dan hebat, serangan yang lebih hebat dan ampuh dan kita akan serang BN.

"Ini adalah semboyan perang! Cukup-cukuplah rasuah, cukup-cukuplah salah guna kuasa," kata Anwar dalam ucapan penggulungannya.

"Kita mesti pertahan hak kita," laung Anwar penuh bersemangat sambil disambut dengan penghormatan berdiri oleh peserta konvensyen.

Baru-baru ini, Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman lima tahun penjara ke atas mantan Timbalan Perdana Menteri itu atas kes melibatkan pembantu peribadi beliau, Saiful Bukhari Azlan.



Anwar berucap di hadapan ribuan penyokong di bilik gerakan utama PKR di Kajang, selepas Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman bersalah terhadapnya

## Tanpa Anwar Pakatan Rakyat tidak akan rebah

Hukuman itu menyusuli ranangan PR untuk meletakkan Anwar sebagai calon mereka dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang. Di sebalik pelbagai spekulasi politik, kemasukan Anwar sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor

dipersetujui akan memantapkan proses pembikinan keputusan Kerajaan Negeri.

Langkah itu bagaimanapun turut mengundang pergeseran. Mengulas perkara itu, Saifuddin berkata, PR tetap komited kepada perjuangannya di samping merai-

kan demokrasi sepenuhnya.

"Tak mungkin pemimpin Pakatan sanggup mengkhianati mandat sokongan begitu besar yang terutamanya apabila kita gagal meneruskan perbezaan pendapat," ujar beliau.

Rakan sejawatnya daripada DAP berkata, BN tidak menginsafi sejarah 1998 yang menyaksikan rakyat pelbagai jalur fahaman dan latar belakang bersatu membantah kezaliman.

Tegasnya, kekuatan sebenar PR bukanlah pada batang tubuh Anwar Ibrahim, tetapi pada komitmen rakyat kepada nilai seperti memahukan kerajaan yang adil, bertanggungjawab dan amanah.

"Jangan BN ingat penjarakan Anwar dapat lemahkan Pakatan, kita tidak akan berkubur, tetapi akan jadi semakin kuat."

"Lihat sahaja hikmah daripada peristiwa tahun 1998. Kezaliman yang berlaku terhadap Anwar berjaya membawa PAS

dan DAP duduk semeja bersama PKR," tegas Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke.

Perkara yang sama turut dikongsi Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali yang mahu pengukuhan parti perlu bermula dari awal supaya Pakatan dapat menyelesaikan segala krisis yang timbul dengan sebaik-baiknya.

Beliau berkata PR perlu membuktikan kepada rakyat umum bahawa gagasan itu bukan sahaja berani menanggapi perbezaan tetapi juga komited kepada kesatuan.

"Biarpun perbezaan pendapat itu adalah satu perkara kecil, ia akan menjadi besar apabila media yang tidak bertanggungjawab mula memanipulasi perbezaan terabit."

"Pemimpin perlu menyelesaikan masalah, bukan mencipta masalah. Pengukuhan Pakatan Rakyat ini bermula secara dalaman yang perlu diselesaikan oleh pimpinan parti," katanya.



Pakatan Rakyat hari ini siap untuk serangan baru yang lebih kuat dan hebat, serangan yang lebih hebat dan ampuh dan kita akan serang BN. Ini adalah semboyan perang! Cukup-cukuplah rasuah, cukup-cukuplah salah guna kuasa

**ANWAR IBRAHIM**  
Ketua Umum PKR